

BeritaHarian.sg

Sebuah Penerbitan SPH — kumpulan media yang diyakini

[Daftar masuk](#) | [Langgan](#)

Singapura, Selasa, 26 Disember 2017 (7 Rabiuulakhir 1439)

Waktu Solat SUBUH 5.55 SYURUK 7.12 ZUHUR 1.16 ASAR 4.24 MAGHRIB 7.18 ISYAK 8.27

[Berita Terkini](#) | [Premium](#) | [Multimedia](#) | [SoShioh Halal!](#) | [Wanita](#) | [Kembara](#) | [Bahasa & Sastera](#) | [Blog Wartawan](#) | [Hidayah](#) | [Wacana](#) | [LionsXII](#)

BERITA TERKINI: [Omar 24 Mac](#) · [Tidak mustahil Leicester bergelar juara baru England](#) · [Dua wakil Singapura terus](#)

[Google Custom Search](#) 

Muka Depan » TEST

Pendidikan sarjana muda



RAIH MANFAAT: Program pendidikan Jamiyah bermanfaat bagi ramai dalam usaha mendalami pengajian Islam. - Foto JAMIYAH

29 Nov 2013

SATU previu pengajian tinggi aliran ukhrawi akan diadakan di Pusat Pendidikan Jamiyah Singapura (JEC), tingkat 4 bangunan MDIS, di Changi Road pada esok dari 2 petang hingga 5 petang.

Previeu besar-besaran ini merupakan satu kesinambungan kepada Memorandum Persefahaman (MOU) yang diketuai Profesor (Adjung) Dr Mohd Hasbi Abu Bakar, selaku Presiden Jamiyah Singapura dan Pengerusi Jabatan Pendidikan Jamiyah dalam acara Mahrajan Al Quran di Jamiyah Singapura pada 7 Julai yang lalu.

Turut menyerikan previeu sehari ini ialah pelancaran Diploma Tahfiz Wal Qiraat bersama Kolej Universiti Islam Melaka (Kuim); Diploma Sains Kontemporari Islam Semasa bersama Kolej Islam Antarabangsa Malaysia (IIC) dan ijazah Sarjana Muda Undang-Undang Islam Syariah Islamivvah bersama Institut Adama Islam Negeri (IAIN) Sumatera Utara.

Jamiyah Singapura akan mengendalikan program-program diploma dan peringkat sarjana muda berbahasa Melayu dan Inggeris berdasarkan kurikulum, struktur dan model pendidikan institusi-institusi pendidikan tersebut.

Para pelajar akan diberikan ijazah tamat kursus dengan pengiktirafan oleh rektor institusi berkenaan. Melalui jalur kerjasama yang luas antara institusi-institusi pendidikan ini dan Pusat Pendidikan Jamiyah sendiri, para pelajar mempunyai pilihan luas untuk melanjutkan pelajaran di peringkat lebih tinggi sama ada di institusi-institusi berkenaan ataupun di universiti-universiti lain di luar negara termasuk di Timur Tengah dan lain-lain.

Peluang pekerjaan di badan-badan Islam setempat dan luar negara juga terbentang luas memandangkan institusi-institusi pendidikan ini telah melalui piawaian ketat dan mendapat pengesahan Kementerian Pendidikan di Malaysia dan Indonesia. Pengunjung akan berpeluang mendapatkan penjelasan terperinci daripada pegawai-pegawai akademik Kuim, IAIN, IIC dan JEC.

Selain pelancaran kursus-kursus akademik berstruktur aliran ukhrawi, JEC akan menandatangani MOU bersama Ketua Pegawai Eksekutif Akademi Al-Quran Astac Malaysia Dr Hj Mohd Azmi Mat Shah, untuk membawa program tajwid LQ48 di pasaran Malaysia.

Sejauh ini, lebih 3,000 orang meraih manfaat daripada program LQ48 hasil kerjasama antara JEC dan Akademi Al-Quran Canada.

Satu kajian yang telah dijalankan mendapati hampir kesemua pelajar dewasa yang mengikuti program ini telah dapat membaca Al-Quran dengan tajwid yang baik.

Keberkesanan pendekatan LQ48 ini telah mencetuskan usaha lanjut membasmikan Al-Quran melalui penggunaan aplikasi bijak boleh dimuat turun dengan iPhone, iPad serta android pada harga permulaan AS\$4.99 (\$6.24).

Mereka yang ingin mendaftarkan diri ke acara previu tahunan ini, boleh menghubungi Cik Zakiah di talian 6478-0475.

<http://specials.beritaharian.sg/gah/pendidikan-sarjana-muda>